

PM akan lancar Yayasan Pendidikan Cheras

030

YAYASAN Pendidikan Cheras ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan Syarikat pada 18 September tahun lalu, antara lain bermatlamat menjadi saluran bagi membantu meningkatkan pembangunan pendidikan, khususnya di kawasan Parlimen Cheras.

Idea penubuhan yayasan yang dianggotai lima Ahli Lembaga Pemegang Amanah itu bertitik tolak kejayaan Umno bahagian itu yang menjadikan Sekolah Pendidikan Khas, Jalan Peel sebagai sekolah angkatnya.

Menerusi program sekolah angkat pada 1995 itu, pelbagai bantuan kemudahan pembelajaran disalurkan, selain menganjurkan pelbagai kegiatan kemasyarakatan dan sosial bagi meningkatkan kemajuan sekolah berkenaan.

Berdasarkan kejayaan kerjasama awal itu, pada 1998, ketika itu Datuk Syed Ali AlHabshee memegang jawatan Ketua Umno Bahagian Cheras, program sekolah angkat itu dikembangkan ke beberapa sekolah lain di kawasan Parlimen Cheras.

Langkah itu dilakukan atas kesedaran bahawa sekolah perlu dimasyarakatkan, demi memberi ruang kepada masyarakat setempat mengadakan pelbagai kegiatan kemasyarakatan dengan pihak



SYED Ali menunjukkan poster pelancaran Yayasan Pendidikan Cheras oleh Dr Mahathir Mohamad. – Gambar Saifullizan Tamadi

sekolah.

Bermula dengan sebuah sekolah berhampiran pejabat Umno Bahagian Cheras, kini program yang membuktikan pelbagai manfaat, khususnya kepada sekolah, masyarakat dan pembangunan pendidikan setempat itu memabatkan 11 sekolah rendah, enam sekolah menengah dan masing-masing satu

Tabika Kemas dan Tabika Perpaduan.

Selain Sekolah Pendidikan Khas, sekolah rendah lain yang terbabit di bawah program sekolah angkat itu ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Perempuan Pudu 1, SK (P) Pudu 2, SK Convent Jalan Peel, SK Jalan Peel, SK Yaakob Latif 1, SK Yaakob Latif 2, SK Taman Segar, SK Taman Midah 1

dan SK Taman Midah 2.

Sekolah menengah pula ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Convent Jalan Peel, SMK (P) Pudu, SMK Yaakob Latif, SMK Jalan San Peng, dan SMK Miharja.

Dua institusi pendidikan peringkat prasekolah yang turut dimasukkan di bawah program sama ialah Tabika Kemas dan Tabika Perpa-

duan di Cheras, yang masing-masing mempunyai 10 dan 12 kelas.

Walaupun terletak di luar kawasan, yayasan itu dalam usahanya memabatkan diri dan menjalin hubungan rapat dengan masyarakat berhampiran, turut memabatkan dua sekolah lain dalam program sekolah angkat itu, iaitu Sekolah Menengah Cheras dan Sekolah Kebangsaan (L) Batu 1, Jalan Raja Laut.

Usaha mengembangkan tanggungjawab bagi bersama-sama membantu meningkatkan kemudahan dan keperluan pendidikan sama ada sekolah atau warganya itu turut dilakukan berasaskan maklum balas positif mengenainya serta kesedaran perlu ada usaha bagi mendekati golongan pendidik, ibu bapa dan pelajar.

Berdasarkan keadaan sama dan pelaksanaan pelbagai program di bawah satu bumbung wajar diwujudkan, Umno Bahagian Cheras berpendapat tiba masanya masyarakat setempat, khususnya ibu bapa, pemimpin masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan menjalinkan hubungan rapat dan bersifat dua hala dalam usaha membantu dan mengatasi pelbagai masalah dihadapi, khususnya dalam bidang pendidikan.

Berikutan penubuhan yayasan yang memabatkan dana ratusan ribu ringgit sumbangan pelbagai pihak itu, kegiatan di bawah program sekolah angkat juga dikembang dan diperluaskan selaras dengan matlamatnya.

Antara kegiatan yang dijalankan ialah memberi bantuan kemudahan asas yang diperlukan sekolah seperti kerusi, meja dan komputer, serta menaikkan taraf fizikal merangkumi baik pulih pagar, tandas, jalan dan sebagainya.

Dari segi peningkatan pencapaian akademik pelajar, yayasan itu membiayai kos bagi menganjurkan pelbagai kursus serta seminar motivasi dan peperiksaan kepada calon peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Kepada pelajar yang tidak dikenali miskin dan tidak mampu membayar yuran atau membeli keperluan pembelajaran sama ada peringkat UPSR, PMR atau SPM, Yayasan Pendidikan Cheras juga bersedia menyalurkan bantuan.

Bantuan kewangan, terutama dalam bentuk biasiswa atau anugerah tidak terhad di peringkat sekolah rendah dan menengah, malah turut menyalurkannya kepada pelajar cemerlang dan berkelayakan dari kawasan Parlimen Cheras sewaktu kemasukan sama ada ke institusi pendidikan tinggi awam atau swasta.

DALAM usaha mendekatkan diri dengan masyarakat dan menghulurkan bantuan yang diperlukan, khususnya dalam bidang pendidikan, Umno Bahagian Cheras menubuhkan Yayasan Pendidikan Cheras, yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 23 Ogos ini. Apakah matlamat dan rasional penubuhan yayasan ini? Ikuti penjelasan Pengerusinya, yang juga Ketua Umno Bahagian Cheras, DATUK SYED ALI ALHABSHEE, kepada Wartawan Berita Harian, **MOHAMAD MUDA**, baru-baru ini.

Guru serta Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) tidak dikecualikan kerana yayasan ini turut mengambil berat kebajikan mereka dan bersedia membantu atau berusaha bagi mengatasi masalah yang dikemukakan.

Sempena pelancaran Yayasan Pendidikan Cheras oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Stadium Badminton Cheras, 23 Ogos ini, Skim Biasiswa Kecil (SBK) dan Anugerah Guru Bestari (AGB) turut dilancarkan.

Seramai 19 guru terpilih dari sekolah rendah dan menengah serta tabika di kawasan Parlimen Cheras dipilih menerima AGB, manakala 220 orang pelajar dianugerahkan SBK, keduanya akan disampaikan Perdana Menteri pada majlis berkenaan.

Anugerah yang diberi setahun sekali dan memabatkan seorang guru dari setiap jenis sekolah itu merangkumi kalung, sijil dan Sijil Simpanan Premium RM1,200.

Sementara itu, setiap penerima SBK menerima

sumbangan berbeza mengikut peringkat persekolahan.

Seramai 110 murid sekolah rendah terpilih akan menerima RM30 sebulan selama 10 bulan, manakala 60 pelajar sekolah menengah menerima RM45 sebulan juga selama 10 bulan.

Tidak ketinggalan, biasiswa yang sama diberi, masing-masing kepada 25 murid Tabika Kemas dan Tabika Perpaduan dengan jumlahnya RM15 sebulan selama 10 bulan.

Bersama empat Ahli Lembaga Pemegang Amanah, iaitu Omar Khalid, Datuk Yahya A Jalil, Datuk Mohamad Salim Fateh Din dan Syed Abdillah Syed Abbas AlHabshee, Syed Ali yakin yayasan itu dapat berfungsi dengan baik dan menepati matlamatnya.

Ini kerana konsep yang dipilih yayasan itu adalah untuk mendekatkan diri dengan masyarakat dan bersedia memberi serta menghulurkan bantuan kepada pihak yang memerlukan, khususnya dalam hal berkaitan pendidikan.